

Gunakan pendekatan Islam dengan bijak

Ulama diminta bangunkan umat

Oleh HISHAMUDDIN AUN

KUALA LUMPUR, Selasa — Golongan ulama hendaknya menggunakan pendekatan Islam dengan bijaksana untuk menyedar, menyatukan umat Islam di negara ini supaya mampu memelihara agama dan diri mereka, kata Datuk Seri Dr **Mohamad**.

Perdana Menteri berkata, orang yang bijaksana ialah yang benar-benar mengenal pasti punca sesuatu masalah serta bersedia membantu mengatasi dan mengurangkannya dan bukan berbuat sebaliknya.

"Ulama harus membela-kangkan semua kepentingan lain dalam usaha mengembalikan masyarakat Islam kepada ajaran Islam yang sebenar seperti yang diterangkan dalam al-Quran dan Sunnah Nabi," katanya ketika merasmikan Majlis Perhimpunan Guru-Guru Takmir Masjid di Pusat Islam hari ini.

Berkembang

Kira-kira 1.700 guru takmir masjid dari seluruh negara menghadiri perhimpunan dua hari itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ada golongan dan kumpulan tertentu di kalangan masyarakat Islam negara ini yang arif dalam suatu bidang ilmu pengetahuan, tetapi kurang menggunakan kebijaksanaan dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

Menurutnya, kegagalan mereka menjalankan tugas dengan bijaksana, cermat dan teliti menyebabkan pelaksanaan beberapa program dan rancangan untuk kemajuan agama dan negara, terbantut dan tidak mencapai matlamat.

Di samping itu, katanya, ada pihak yang mengambil kesempatan daripada keadaan yang berlaku untuk membuat pelbagai tafsiran dan telahan membuta tuli, yang mengelirukan umat Islam sehingga mereka gagal menghadapi cabaran hidup.

Perdana Menteri berkata, kajian perlu dibuat mengenai ajaran, kepentingan dan amalan hidup seseorang itu sebelum dia diterima dan diiktiraf sebagai ulama.

"Jika tidak, ajaran sesat dan berkepentingan yang sudah pun ada di negara kita, akan berkembang dengan lebih pesat dan akhirnya umat Islam akan berpecah dan bermusuhan sesama sendiri," katanya.

Menurutnya, bahaya dan kemungkinan perpecahan itu tidak boleh dipandang ringan.

Katanya, bahaya itu kini meningkat kerana umat Islam, khususnya anak-anak muda, lebih berminat dengan agama dan pembangunan rohaniyah di samping pembangunan material.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, aliran kebangkitan Islam seluruh dunia, turut mempengaruhi umat Islam di Malaysia untuk mendalami pengetahuan mereka mengenai Islam.

Oleh itu, katanya, umat Islam di Malaysia amat mudah dipengaruhi oleh sesiapa sahaja yang menyamar sebagai ulama.

"Jika dahulu orang Islam di Malaysia mempunyai hanya satu mazhab, hari ini sudah ada pelbagai kumpulan dengan amalan dan kepercayaan yang berbeza-beza kerana terpengaruh dengan tafsiran daripada ramai yang mendakwa ulama," katanya.

Katanya, cuma penjelasan agama Islam yang sebenar dapat menghilangkan sebarang kekeliruan masyarakat untuk menjadikan mereka masyarakat yang kukuh, kuat dan mampu melindungi mereka daripada bermacam tekanan dan pengaruh.

Perdana Menteri berkata, adalah menjadi tanggungjawab ulama untuk menjaga kekuatan kepemimpinan Islam supaya Islam tidak terancam dengan kelemahan material atau rohaniyah.